

EKONOMI TINGKATAN 4
MODUL AMANJAYA SPM 2018
KERTAS 1

TAJUK : **3.0 WANG, BANK DAN PENDAPATAN INDIVIDU**
Standard Kandungan : **3.2 Pendapatan Individu**

1. Pernyataan berikut berkaitan dengan sektor ketiga dalam Malaysia.

Sumbangan sektor ketiga kepada jumlah guna tenaga Malaysia meningkat daripada 25.3% pada tahun 1960 kepada 61.3% pada tahun 2014.

Antara yang berikut, yang manakah faktor yang menyebabkan peralihan guna tenaga di atas?

- | | | | |
|----|-----------------------|-----|--------------------------|
| I | Upahwang | III | Keadaan ekonomi |
| II | Peningkatan teknologi | IV | Faedah perubatan percuma |
| A | I dan II | C | II dan III |
| B | I dan IV | D | III dan IV |

2. Pernyataan di bawah berkaitan dengan jenis pendapatan.

Pendapatan yang diterima tanpa menyumbang dalam proses pengeluaran.

Antara yang berikut, pendapatan yang manakah berkaitan dengan pernyataan di atas?

- | | | | |
|----|---------------|-----|--------------------|
| I | Bonus tahunan | III | Basis swapelajar |
| II | Pencenpesara | IV | Keuntungan peniaga |
| A | I dan II | C | II dan III |
| B | I dan IV | D | III dan IV |

3. Jadual di bawah menunjukkan guna tenaga dalam sektor tertentu pada tahun 2010 dan 2018.

Sektor	Tahun 2010 (ribu)	Tahun 2018 (ribu)
Perlombongan	2 000	1 500
Perbankan	1 000	1 900
Peruncitan	3 000	2 900
Pembuatan	5 000	4 900
Pengangkutan	2 000	2 200
Pembinaan	1 400	400

Berdasarkan jadual di atas, sektor yang manakah mengalami peningkatan guna tenaga?

- | | | | |
|---|-------|---|------------------|
| A | Utama | C | Ketiga |
| B | Kedua | D | Utama dan ketiga |

4. Antara yang berikut, syarikat yang manakahterlibatdalamsektorkedua?

	Syarikat	Aktivitiutama
A.	Syarikat Kinda Holding	MerupakanpengeluarpelbagaibarangelektrikjenamaKinda
B.	Syarikat PetrolBerhad	Mencarigali petroleum
C.	Syarikat ApiBerhad	Menyediakankemudahanpengangkutandaratdan laut
D.	Syarikat MegaBerhad	Menyediakanperkhidmatanperhotelan

5. Mengapakahpekerjaandalamsektorutamakurangdiminati?

- I Upahtidaktetap
 - II Faedahsampinganterhad
 - III Keadaanekonomisemas
 - IV Memerlukankemahiran yang tinggi
- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

6. Maklumat di bawahberkaitandenganperubahanekonomi di Malaysia.

Pelancaran Koridor Raya Multimedia merupakan langkah utama dalam pembangunan asas ekonomi berlandaskan pengetahuan.

Pernyataan di atasberkaitandenganperubahaneconomipadatahun

- | | |
|-----------|-----------|
| A 1960-an | C 1980-an |
| B 1970-an | D 1990-an |

7. Antara yang berikut faktor manakah yang membezakan tingkat upah pekerja?

- I Minat pekerja
 - II Kemahiran pekerja
 - III Tanggungjawab pekerjaan
 - IV Kepuasan pekerjaan
- | | |
|--------------|--------------|
| A I dan II | C I dan IV |
| B II dan III | D III dan IV |

8. Amin seorangpekerja di sebuahsyarikat. Diamenerimajisebanyak RM1 500 sebulan. Apabilaisteridananaxnyajatuhsakit, syarikatberkenaanakanmenanggungperbelanjaanrawatanmereka.

Apakah bentuk bayaran rawatan tersebut?

- | | |
|--------------------|--------------------|
| A Bayaran insentif | C Faedah sampingan |
| B Upah bukan wang | D Bayaran pindahan |

9. Antara yang berikut, yang manakahmerupakanfaedahsampingan?

- | | |
|--------------------|----------------------|
| A Kepuasankerja | C Suasanatempatkerja |
| B Prospekpekerjaan | D Uniform kerja |

10. Kolejkomuniti di seluruh negara menyediakan pelbagai kursus yang kapendek kepada orang ramai. Apakah faktor pemilihan pekerjaan yang berkaitan dengan pernyataan tersebut?

- | | |
|---------------------|---------------------------|
| A Jaminan kerja | C Suasanatempat kerja |
| B Prospek pekerjaan | D Pengalamandan kemahiran |

11. Maklumat di bawah berkaitan dengan suatu jenis pendapatan individu.

Z merupakan ganjaran kepada individu yang menangguhkan perbelanjaan masa kini.

Ganjaran bagi Z ialah

- | | |
|--------|----------|
| A Upah | C Faedah |
| B Sewa | D Untung |

12. Maklumat di bawah berkaitan dengan suatu jenis pendapatan individu.

Encik Arrian memberikan isterinya iaitu Puan Ayu RM850 setiap bulan untuk tujuan perbelanjaan keluarga.

Apakah pendapatan yang diterima oleh Puan Ayu.

- | | |
|----------|--------------------|
| A Upah | C Bayaran pindahan |
| B Faedah | D Faedah sampingan |

13. Upah yang

diterima oleh seorang tukang paip adalah lebih tinggi daripada seorang pelayan restoran kerana

- A tanggungjawab yang tinggi
- B kadarpenganguran yang tinggi
- C memerlukan kemahiran yang tinggi
- D memerlukan kelayakan akademik yang tinggi

14. Apakah persamaan antara untung dan upah?

- A Kedua-duanya melibatkan risiko
- B Kedua-duanya diterima oleh faktor buruh
- C Kedua-duanya merupakan pendapatan faktor produktif
- D Kedua-duanya merupakan pendapat dan dalam bentuk bayaran pindahan

15. Antara berikut yang manakah upah?

- A Pencen yang diterima oleh pesara
- B Bonus yang diterima oleh pekerja bank
- C Wang setiap hujung bulan yang diterima oleh juru jual kereta daripada majikan
- D Kemudahan perumahan yang diterima oleh anggota polis

Soalan 16 berdasarkan pernyataan yang diberikan di bawah.

Encik Amir memiliki 10 hektar kebun sayur. Beliau mengusahakan sebahagian kebun sayur tersebut dan memperolehi pendapatan sebanyak RM6 000 setahun. Encik Amir juga menerima pendapatan sebanyak RM2 000 setahun daripada pihak lain kerana beliau telah memberikan kebenaran mengusahakan sebahagian kebunnya.

16. Apakah bentuk pendapatan yang diperoleh Encik Amir?
- | | |
|-------------------|---------------------|
| A Upah dan sewa | C Faedah dan upah |
| B Untung dan Sewa | D Untung dan faedah |

17. Gambar di bawah ini menunjukkan dua jenis pekerjaan.



Aktiviti 1



Aktiviti 2

Antara yang berikut, manakah yang benar berkaitan dengan gambar tersebut?

	Aktiviti1	Aktiviti2
I	Faedah sampingan yang pelbagai	Kurang faedah sampingan
II	Upah yang tidak menentu	Upah yang agak stabil
III	Suasanatempat bekerja berisiko tinggi	Suasanatempat bekerja kurang risiko
IV	Ada peluang kenaikan pangkat	Tidak ada peluang kenaikan pangkat

- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |
18. Apakah kesan kenaikan harga barang kepada pengguna?
- I Jumlah pendapatan boleh guna berkurangan
 - II Pendapatan benar berkurangan
 - III Tingkat pelaburan berkurangan
 - IV Jumlah tabungan berkurangan
- | | |
|-------------|--------------|
| A I dan II | C II dan IV |
| B I dan III | D III dan IV |
19. Antara berikut, yang manakah merupakan pendapatan individu daripada aktiviti ekonomi?
- | | |
|----------|-------------|
| A Faedah | C Wang saku |
|----------|-------------|

- B Subsidi D Derma bencana alam
20. Jadual di bawah menunjukkan pendapatan dan perbelanjaan Encik Zafri bagi bulan September 2016.

Butiran	RM
Gaji	3 200
Makanan dan minuman	1 100
Bonus	1 400
Elaun	600
Dividen	200
Premium takaful	300

- Berapakah jumlah pendapatan Encik Zafri?
- A RM3 200 C RM5 200
 B RM4 600 D RM5 400
21. Antara yang berikut, yang manakah tergolong dalam bayaran pindahan yang diterima oleh seorang individu?
- I Derma yang diterima oleh Aqilah
 II Biasiswa universiti yang diterima oleh Jaihan
 III Keuntungan yang diterima oleh peniaga hotel
 IV Bayaran bonus tahunan yang diterima oleh Encik Ravi
 A I dan II C II dan III
 B I dan IV D III dan IV

- Soalan 22 berdasarkan pernyataan yang diberikan di bawah.
22. Encik Aril seorang penyelia yang menerima gaji bulanan sebanyak RM6 000. Isteri Aril menerima dividen dari Bank Islam RM1 500 sebulan. Anak beliau membuka perniagaan kedai makanan memperoleh keuntungan RM2 000 sebulan.
- Berdasarkan maklumat di atas, manakah antara faktor-faktor berikut yang menyebabkan keluarga Encik Aril menerima pendapatan masing-masing?

	Encik Aril	Isteri	Anak
A	Memberi sumbangan kepada pengeluaran	Mengabungkan faktor-faktor pengeluaran	Menangguhkan penggunaan semasa
B	Memberi sumbangan kepada pengeluaran	Menangguhkan penggunaan semasa	Mengabungkan faktor-faktor pengeluaran
C	Menangguhkan penggunaan semasa	Membenarkan harta digunakan oleh orang lain	Memberi sumbangan kepada pengeluaran
D	Mengabungkan faktor-faktor pengeluaran	Memberi sumbangan kepada pengeluaran	Menangguhkan penggunaan semasa

- Soalan 23 berdasarkan persamaan yang diberikan di bawah.

Upah benar =	<u>X</u>
Purata Harga	

23. Apakah X dalam persamaan di atas?

- | | |
|----------------|---------------------|
| A Modal | C Upah wang |
| B Perbelanjaan | D Pendapatan bersih |

Soalan 24 berdasarkan jadual yang diberikan di bawah.

Tahun	Purata Harga Barang Makanan	Pendapatan
2013	75	1 800
2014	100	2 000
2015	150	2 100
2016	220	2 200

24. Berdasarkan jadual di atas, tahun manakah upah benar paling rendah?

- | | |
|--------|--------|
| A 2013 | C 2015 |
| B 2014 | D 2016 |

25. Maklumat berikut mengenai upah dan harga purata barang.

Upahwang	RM2 000
Hargapuratabarang	RM40

Jika harga purata naik sebanyak 50% dan upah wang naik kepada RM2 400, berapakah upah benar yang baharu?

- | | |
|-----------|--------------|
| A 40 unit | C 60 unit |
| B 50 unit | D 66.67 unit |

26. Jadual di bawah ini menunjukkan upah wang dan harga purata barang.

Tahun	Upah Wang (RM)	Harga Purata Barang (RM)
2015	1 200	25
2016	1 440	30
2017	1 575	35

Pernyataan manakah yang benar?

- I Upah benar meningkat sebanyak 3 unit pada tahun 2017 berbanding dengan tahun 2016
- II Kadar perubahan wang samadengankadar perubahan harga purata barang dari tahun 2015 hingga tahun 2016
- III Taraf hidup merosot bermula tahun 2016
- IV Apabila upah wang jatuh dan harga purata barang naik, maka kuasa beli wang meningkat

- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
|------------|--------------|

B I dan IV

D III dan IV

27. Penurunan harga purata barang akan menyebabkan

- A tabungan pengguna menurun
- B kuasa beli pengguna menurun
- C pendapatan benar meningkat
- D perbelanjaan pengguna meningkat

28. Puan Wendy Tan menyimpan sebanyak RM80 000 dalam akaun deposit di Maximum bank dengan kadar faedah sebanyak 4.3% setahun. Berapakah jumlah faedah yang akan diterima oleh Puan Wendy Tan jika beliau menyimpan selama 9 bulan.

- | | |
|------------|--------------|
| A RM215.00 | C RM286.67 |
| B RM245.67 | D RM2 580.00 |

29. Maklumat di bawah berkaitan dengan iklan jawa tangan kosong.

JAWATAN KOSONG

Jualan / Pemasaran

Pengalaman : Lepasan Ijazah

Ciri-ciri :

- Wanita
- Berdisiplin dan amanah
- Boleh bekerja di luar
- Boleh berkomunikasi dengan baik
- Boleh menggunakan Excel/

Antara individu berikut, yang manakah mungkin ditawarkan pekerjaan di atas?

- A Puan Einase orang suri rumah
- B Encik Syakawi seorang bekas anggota polis
- C Cik Alia seorang graduan UPM yang suka bekerja di pejabat
- D Encik Vishek seorang graduan lepasan universiti mempunya lesen memandu

Soalan 30 berdasarkan pernyataan yang diberikan di bawah.

Sebagai seorang pesara kerajaan yang menerima penceh RM2 000 sebulan, Encik Azmeer mengisi masa luangnya dengan menguruskan sebuah firma kawalan keselamatan dan menerima upah sebanyak RM1 000 sebulan. Setiap bulan anaknya memasukkan RM500 ke dalam akaun Encik Azmeer. Beliau juga menyimpan sebanyak RM15 000 ke dalam akaun simpanan tetap dan menerima faedah pada kadar 10 % setahun. Di samping itu, Encik Azmeer juga mempunyai 3 buah rumah sewa di Ipoh dan disewakan dengan kadar RM250 sebulan.

30. Berapakah jumlah pendapatan yang diterima oleh Encik Azmeer sebulan ?

- | | |
|-----------|-----------|
| A RM3 975 | C RM5 350 |
| B RM4 375 | D RM5 850 |